



**PERJANJIAN MENGENAI KERJASAMA EKONOMI,
SAINTIFIK, PENDIDIKAN, TEKNIKAL DAN KEBUDAYAAN
ANTARA KERAJAAN MONGOLIA
DENGAN
KERAJAAN MALAYSIA**

KERAJAAN MONGOLIA DAN KERAJAAN MALAYSIA (kemudian daripada ini disebut "Pihak-Pihak Pejanji");

DENGAN HASRAT untuk mempereratkan lagi persahabatan antara kedua-dua negara dan untuk membangunkan kerjasama dalam bidang ekonomi, perdagangan, saintifik, pendidikan, teknikal, sosial, kebudayaan dan lain-lain bidang;

DENGAN MEMPERCAYAI bahawa penubuhan kerjasama sedemikian akan memenuhi kepentingan bersama mereka dan menyumbang kepada peningkatan pembangunan ekonomi dan sosial rakyat kedua-dua negara;

TELAH BERSETUJU SEPERTI YANG BERIKUT:

PERKARA I

Pihak-pihak Pejanji hendaklah, tertakluk kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang pada masa itu berkuatkuasa di negara mereka masing-masing, mengakujaji untuk mempergiatkan dan menggalakkan pembangunan kerjasama ekonomi, saintifik, pendidikan, teknikal dan kebudayaan antara kedua-dua negara bagi faedah bersama mereka.



PERKARA 2

Pihak-pihak Pejanji hendaklah bersama-sama menentukan akan bidang-bidang spesifik dalam mana mereka harus bekerjasama.

PERKARA 3

Pihak-pihak Pejanji hendaklah berusaha untuk mempergiatkan dan mempermudah pertukaran antara kedua-dua negara, akan pakar-pakar, spesialis-spesialis, perunding-perunding, pelatih-pelatih dan maklumat berhubung dengan bidang-bidang kerjasama yang ditentukan dalam Perkara 2 Perjanjian ini.

PERKARA 4

Pihak-pihak Pejanji hendaklah membuat perjanjian-perjanjian spesifik bagi maksud melaksanakan program-program dan projek-projek yang hendak diusahakan menurut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini. Perjanjian-perjanjian sedemikian hendaklah antara lainnya menentukan modaliti-modaliti yang relevan mengenai program-program dan projek-projek berkenaan.

PERKARA 5

Setiap Pihak Pejanji hendaklah mengakujanji untuk mematuhi sulitnya atau kerahsiaan dokumen-dokumen, maklumat dan data lain yang diterima semasa tempoh pelaksanaan Perjanjian ini atau apa-apa perjanjian lain yang dibuat menurut Perjanjian ini.



PERKARA 6

Pihak-pihak Pejanji atas permintaan mana-mana Pihak Pejanji, akan mengadakan perundingan-perundingan di peringkat Pegawai-Pegawai Kanan untuk mempermudah pelaksanaan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini. Tempat dan masa perundingan itu hendaklah ditentukan oleh kedua-dua Pihak Pejanji.

PERKARA 7

Pihak-pihak Pejanji hendaklah menimbangkan jalan-jalan dan cara-cara untuk menggalakkan dan meningkatkan kerjasama antara kedua-dua negara dan untuk memastikan pelaksanaan syornya yang dibuat menurut Perjanjian ini.

PERKARA 8

Mana-mana satu Pihak Pejanji boleh secara bertulis meminta suatu semakan atau pindaan kepada Perjanjian ini. Apa-apa semakan atau pindaan yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak Pejanji hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini. Semakan atau pindaan sedemikian hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya ditandatangani.

PERKARA 9

Apa-apa perbezaan atau pertikaian yang berbangkit dari tafsiran atau pemakaian peruntukan-peruntukan Perjanjian ini hendaklah diselesaikan secara terbaik-baik melalui saluran-saluran diplomatik.



PERKARA 10

Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia ditandatangani. Ia hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh lima tahun. Apabila tamatnya tempoh tersebut ia hendaklah dilanjutkan secara automatik untuk tempoh-tempoh tambahan setiap satunya adalah selama satu tahun. Perjanjian ini boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak pejanji pada bila-bila masa dengan memberikan sekurang-kurangnya enam bulan notis bertulis kepada pihak pejanji yang satu lagi melalui saluran diplomatik.

PERKARA 11

Habisnya tempoh atau tamatnya Perjanjian ini tidaklah menjejaskan peruntukan-peruntukan mana-mana protokol, persetujuan, kontrak atau perjanjian yang telah dibuat di bawahnya. Peruntukan-peruntukan tersebut hendaklah terus menguasai mana-mana obligasi atau projek yang belum habis tempoh dan masih wujud yang telah dilakukan atau dimulakan di bawahnya. Apa-apa obligasi atau projek tersebut hendaklah diteruskan sehingga selesai, kecuali jika Pihak-Pihak Pejanji menentukan sebaliknya.



PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, yang bertandatangan di bawah ini, yang diberikuasa sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing telah menandatangani Perjanjian ini.

DIBUAT di Ulaanbataar pada 9 haribulan September, 1997 dalam tiga salinan asal, tiap satu dalam Bahasa Mongolia, Bahasa Melayu, dan Bahasa Inggeris, kesemua teks sama sahny. Sekiranya terdapat apa-apa perbezaan, teks Inggeris hendaklah mengatasi.

**BAGI KERAJAAN
MONGOLIA**

**BAGI KERAJAAN
MALAYSIA**